

## **BAB I.**

### **PENDAHULUAN.**

#### 1.0 Latar Belakang Masalah.

Perkembangan Islam merupakan satu fenomena yang menjadi perhatian segenap lapisan masyarakat sama ada masyarakat yang didakwah ataupun masyarakat yang mendakwah, dalam hal ini tidak dapat dinafikan bahawa apabila menyebut tentang perkembangan Islam, maka akan ada satu golongan yang di kenali dengan ad-dae'i ataupun pendakwah yang memainkan peranan dalam menyebarkan Islam kepada masyarakat yang belum, sedang dan berminat untuk mengenali Islam atau dengan lain perkataan masyarakat bukan Muslim untuk di Islamkan. Golongan kedua ini dikenali dengan *mad'uwīn* (masyarakat yang didakwah).

Dalam kontek dakwah, *mad'uwīn* adalah golongan yang menjadi sasaran untuk mengajak mereka kearah memahami Islam sekaligus menyeru mereka memeluk agama Islam. Dalam hal ini, kita dapat melihat *mad'uwīn* tergolong dalam berbagai peringkat sama ada yang telah Islam, tapi belum menghayati Islam dengan baik, atau masyarakat yang langsung tidak mengenali Islam sebagai satu agama atau ada juga golongan yang mahu berjinak-jinak dengan Islam.

Perkembangan Islam merupakan era perubahan kepada setiap masyarakat mahupun individu. Setiap manusia yang menerima Islam telah meletakkan diri mereka redha pada perubahan diri, kerana perubahan diri itu meletakkan mereka

diredhai oleh Allah s.w.t kerana Allah s.w.t meredhai Islam menjadi anutan manusia.

Sebagaimana firmanya:

"وَرَضِيَتْ لَكُمُ الْإِسْلَامُ دِينًا"

(Surah al-Maidah:3)

**Bermaksud:**

[Dan Aku telah redha akan Islam menjadi agama untuk kamu]

Dalam surah lain pula Allah berfirmanya:

"لَقَدْ رَضِيَ اللَّهُ عَنِ الْمُؤْمِنِينَ"

(Surah al-Fath:18)

**Bermaksud:**

[Demi sesungguhnya Allah redha akan orang-orang yang beriman]

Islam merupakan lambang ketamaddunan bagi setiap individu yang menerimanya sebagai cara hidup. Di dalamnya dihimpunkan segala kebaikan yang boleh menjamin kebaikan dunia dan akhirat.

Oleh itu, untuk mewujudkan perkembangan Islam, usaha sepenuhnya bergantung kepada tenaga pendakwah yang mampu memikul pelbagai risiko dalam menyampaikan Islam kepada masyarakat bukan muslim terutama masyarakat di pedalaman.

Perkembangan Islam adalah satu gerakan yang global. Ia berlaku di seluruh dunia dalam pelbagai bangsa, ini tepat dengan Islam untuk seluruh dunia. Tetapi tumpuan kajian ini hanya kepada perkembangan Islam di Malaysia, bahkan fokus utama perkembangan Islam di kalangan masyarakat Orang Asli di Malaysia dengan menjadikan Orang Asli yang mendiami Post Brook sebagai sasaran. Seperti yang diketahui masyarakat Orang Asli masih hidup secara primitif dan tinggal di kawasan pendalamam.

Kini fungsi perkembangan Islam yang semakin meluas dengan kedudukan Islam sebagai agama rasmi negara Malaysia, memberi penekanan dan perhatian kepada seluruh masyarakat bukan muslim agar Islam ini diterima sebagai anutan dan amalan harian. Para pendakwah perlu memainkan peranan yang lebih luas bagi merealisasikan segala tuntutan agama, kerana agama Islam senantiasa menuntut umatnya menyampai dan memperkembangkan Islam mengikut kadar pengetahuannya mengenai Islam di mana mereka berada.

Penekanan kepada perkembangan Islam meliputi masyarakat bukan muslim yang menjadi harapan dan tunggak utama kepada visi perkembangan Islam, iaitu untuk melihat Islam menjadi agama pilihan dan melahirkan masyarakat yang tahu harga diri dan tujuan mereka diwujudkan di dunia ini, adalah sebagai hamba untuk beribadah kepada yang Maha Esa. Bertepatan dengan konsep ayat Allah s.w.t sebagaimana firmanNya:

"وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَانَ إِلَّا لِيَعْبُدُونَ"

(Surah az-Zariaat:56)

**Bermaksud:** "Dan ingatlah Aku tidak menciptakan Jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaku."

Perkembangan Islam, sebagaimana yang diketahui bukanlah suatu perkara baru, malah ia telah lama menjadi agenda kehidupan Nabi Muhammad s.a.w, para Sahabat a.s., dan sekalian orang mukmin. Nabi Muhammad s.a.w sebagai pendakwah yang pertama dalam memperkembangkan Islam, sebagai perintis idea untuk dipenuhi masyarakat seluruhnya. Baginda menghadapi berbagai fitnah dan cabaran, oleh itu tidak hairanlah dalam era moden, perkembangan Islam merupakan satu cabaran kepada para pendakwah kerana mereka perlu mempunyai ketahanan diri dan bersabar seperti yang ditunjukkan oleh Nabi Muhammad s.a.w dan generasi sahabat dalam berdakwah.

#### 1.0.1 Islam Sebagai Agama.

Sebelum kita membicarakan mengenai Islam sebagai agama anutan dengan lebih mendalam, sebaiknya diberi pengertian berhubung dengan Islam dalam dua aspek utama iaitu dari segi bahasa dan istilah:

- i) Menurut *bahasa* ialah bererti aman, damai, sejahtera dan selamat.

ii) Manakala dari segi *istilah* pula ialah mentauhidkan Allah s.w.t , patuh tunduk dan jujurhati kepadanya serta beriman dengan ajaran Allah s.w.t yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w.

Di sinilah Islam telah di iktirafkan sebagai agama kerana ia lengkap dan mempunyai hubungan yang rapat dengan Pencipta. Para pengkaji mendefinisikan agama; ialah kepercayaan yang ada hubungan dengan yang *kudus*, menyatakan diri dalam upacara, pemujaan, permohonan, berdasarkan doktrin-doktrin tertentu, yang biasanya membentuk sikap hidup tertentu". Hakikat agama ialah hubungan manusia dengan yang *Kudus*.

Apabila definisi itu ditujukan kepada agama Islam, maka keempat-empat ciri tersebut boleh dirumuskan sebagai berikut:

- i) Percaya kepada yang *Kudus* ialah percaya kepada Allah s.w.t dan asas iman yang disebut akidah.
- ii) Melakukan hubungan dengan yang *Kudus* dalam bentuk yang diistilahkan ibadah kepada Allah s.w.t.
- iii) Idea dan asas pemikiran yang menjadi doktrin bagi Islam ialah al-Quran dan as-Sunnah.
- iv) Asas hidup berpaksikan taqwa.

Dengan demikian definisi agama Islam ialah kepercayaan kepada Allah s.w.t dan melakukan ibadah kepadaNya berdasarkan kepada Quran dan al-Hadith, yang

membentuk taqwa.<sup>1</sup> Seperti yang telah diterangkan dalam banyak kenyataan, Islam bukanlah satu ideologi atau agama dalam pengertian yang sempit, tetapi ia adalah agama yang lebih luas dan berdasarkan kepada Quran dan al-Hadith yang mengandungi syariat, meliputi semua aspek kehidupan termasuk akidah, akhlak, muamalat, jinayah dan sebagainya.

Islam adalah merupakan agama langit yang diutuskan oleh Allah s.w.t. Ia merupakan agama yang terakhir diturunkan untuk digunakan oleh segenap lapisan manusia sebagai panduan hingga akhir zaman. Islam juga merupakan agama yang rasmi di sisi Allah s.w.t sebagaimana firmanNya:

"أَنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ"

(Surah *Ali-Imran*:19)

**Bermaksud:** Sesungguhnya agama di sisi Allah ialah agama Islam.

Dengan penjelasan ayat ini, ternyata agama Islam merupakan satu pilihan yang tepat untuk dianuti kerana ia telah diakui oleh Allah s.w.t. Oleh itu, kita sebagai hambaNya tidak dapat tidak mesti menerima ia sebagai panduan hidup. Dengan ini Islam perlu disebarluaskan kepada seluruh masyarakat manusia kerana apa yang terkandung dalam Islam adalah sumber dakwah untuk mengubah masyarakat dalam berakidah, berakhlik, bermuamalat dan sebagainya. Sebab itu Allah s.w.t telah

---

<sup>1</sup>Sidi Gazalba, (1993), **Dakwah Islamiah Malaysia - Masa Kini**, UKM, Bangi, hal 45.

mengutuskan perutusan-perutusanNya untuk menyampaikan perkara tersebut. Sebagaimana firmaNya:

"وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ"

(*Surah al-Anbia' : 107*).

**Bermaksud:** Tidak Kami utuskan engkau (*Muhammad*) melainkan untuk membawa rahmat bagi sekalian 'alam

Islam diturunkan sebagai panduan yang memenuhi segala tuntutan dan keperluan hidup. Ia mengajar dan menerangkan semua bentuk kebaikan dan menjamin keharmonian sejagat. Nilai-nilai yang dibawa oleh Agama Islam menjana perubahan masyarakat dari satu keadaan kepada satu keadaan yang lebih terjamin, bagi mencapai kehidupan dunia mahupun kehidupan akhirat kerana pengisianya cukup lengkap dan sempurna tanpa dapat ditandingi oleh agama lain.

Islam sebagai agama dunia dan akhirat, sangat memerhatikan masalah dunia. Akan tetapi masalah *duniawi* tidak boleh dilepaskan daripada masalah *ukhrawi*. Antara satu dengan yang lain, tidak dapat dipisahkan malah tidak boleh dilaksanakan mengikut dua tingkat lain yang berbeza.

Antara apa yang disebut sebagai kehidupan *duniawi* juga sebenarnya tidak terputus dari apa yang disebut kehidupan *ukhrawi*, malah sebenarnya kehidupan

akhirat adalah urutan daripada kehidupan dunia dan yang pertama itu (kehidupan *duniawi*) adalah penting menentukan kehidupan akhirat.<sup>2</sup>

Berasaskan kepada kebaikan-kebaikan yang terkandung dalam agama Islam, maka pendakwah perlu mentafsirkan Islam dalam kehidupan manusia sejagat sebagai sumber dakwah, kerana Islam merupakan agama Allah s.w.t yang telah diutuskan untuk di sampaikan kepada sekalian manusia.

#### 1.1 Pernyataan Masalah.

Islam adalah salah satu agama langit yang telah direhui Allah s.w.t untuk menjadi agama ikutan manusia, melalui ayat-ayatNya yang banyak sebagaimana terdapat dalam al-Quran. Salah satu ayat sebagaimana maksud firmanNya ialah:

"إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْاِسْلَامُ"

(*Surah al-Imran :19*)

"Bahawa agama di sisi Allah ialah agama Islam"

Kelahiran agama ini semenjak penurunannya kepada umat manusia bukanlah ia berkembang secara tersendiri, malah Allah s.w.t telah mengutuskan seorang Nabi yang dikenali dengan Nabi Muhammad s.a.w untuk membawa dan menyebarkan

---

<sup>2</sup>Sidiq Fadil, (1977), **Kebangkitan Umat: Kenyataan dan Harapan**, Yayasan Dakwah Islamiah, Kuala Lumpur, hal 23.

risalah Islam kepada umat manusia. Tugas ini tidak berhenti dengan kewafatan Nabi Muhammad s.a.w sahaja tetapi bersambung penyebarannya melalui lidah para sahabat, ulama', dan para pendakwah bagi menghidupkannya sebagaimana yang ditutut oleh Allah Subhanuhu wata'la.

Perkembangan Islam hari ini masih segar meneruskan kesinambungan lalu dengan berbagai-bagai cara dan ia telah berkembang ke merata-rata tempat. Tetapi keterbatasan dan skop pengetahuan kita kadang-kadang hanya mengetahui bahawa Islam tersebar dan diterima di sekiling kita sahaja. Kita tidak mengetahui sejauh manakah perkembangan dan penerimaan masyarakat-masyarakat lain yang jauh di pendalamannya dan susah perhubungan, terutama orang-orang Asli, terhadap agama ini.

Justeru itu kajian diperlukan untuk mengetahui secara jelas dan tepat jumlah bilangan masyarakat Orang Asli yang memeluk Islam dari aspek peningkatannya dari tahun ke setahun dan sejauh mana penerimaan mereka terhadap agama Islam, sebagai suatu agama ataupun sebagai budaya dalam kehidupan mereka.

Oleh yang demikian itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti secara terperinci, mengenai peningkatan kemasukan dan penganutan Orang Asli ke dalam agama Islam dalam beberapa tahun yang lalu. Ini bagi melihat sejauh mana perkembangan Islam dibawa secara berkesan atau tidak ke kawasan-kawasan yang agak terpencil dari segala kemudahan termasuk perhubungan terutama di Post Brook.

## 1.2 Kepentingan Kajian.

Kajian ini merupakan teks yang menitikberatkan kepada aspek perkembangan Islam di kawasan pendalaman Kelantan yang menempatkan Orang-Orang Asli. Penulis menganggap kajian ilmiah ini amat penting bagi melihat sendiri era perkembangan Islam ke dalam masyarakat mereka. Penulis juga ingin melihat dengan lebih dekat perkembangan Islam di kalangan mereka dan menilai sejauh mana tahap penerimaan mahupun minat mereka terhadap Islam serta pertambahan pengikut agama Islam dari semasa ke semasa. Dengan kajian ini akan memberi satu fakta yang tepat kepada masyarakat luar untuk mengenali masyarakat Orang Asli tentang sejauh manakah Islam berkembang di kalangan mereka.

Oleh kerana penulis menganggap kajian ini mempunyai kepentingan tersendiri dalam merealisasikan fakta kajian ini agar lebih tepat dan ilmiah, maka penulis telah pergi ketempat sasaran kajian bagi meninjau sendiri dengan lebih dekat lagi keadaan sebenar masyarakat Orang Asli di Post Brook.

Penulis juga merasakan pencarian fakta-fakta tepat amat perlu bagi memberi gambaran sebenar tentang peningkatan masyarakat Orang Asli di Post Brook yang telah memeluk Islam semenjak beberapa tahun yang lalu.

### 1.3 Objektif Kajian.

Kajian ini adalah berbentuk kajian perpustakaan dan lapangan. Ia adalah suatu kajian yang mempunyai objektif tersendiri bagi melihat sejauh mana perkembangan Islam di kalangan masyarakat Orang-orang Asli dari beberapa sudut:

- i) Mencari satu pendekatan yang terbaik untuk mengembangkan Islam dikalangan mereka, serta mempertingkatkan mutu kefahaman Islam di kalangan mereka dan sejauh mana penerimaan mereka terhadap Islam.
- ii) Meneliti peningkatan Orang Asli yang memeluk Islam dari tahun ke setahun.
- iii) Menyingkap kembali sejarah perkembangan Islam, yang mana iaanya tidak mengira masa dan tempat serta keadaan masyarakat.
- iv) Memberi sumbangan kreatif terhadap perkembangan dan dakwah Islam secara khusus kepada masyarakat pendalaman.
- v) Mengenali budaya serta tatacara kehidupan mereka sehari-hari dalam berbagai aspek, terutama dalam pengamalan Islam sebagai satu cara hidup mereka.
- vi) Memberi sumbangan tidak secara langsung kepada mengembangkan Islam di merata-rata tempat, serta menambaheratkan hubungan *ukhuwwah islamiyah* antara mereka dengan masyarakat luar atas konsep umat Islam itu adalah umat yang satu.
- vii) Melaksanakan tanggungjawab sebagai individu muslim, bagi

- merealisasikan kesinambungan dakwah yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w semenjak 1400 tahun yang lampau.
- viii) Melihat sejauh mana ketamadunan masyarakat Orang Asli, dalam mengikut arus kebangkitan Islam yang bergerak secara global dan merealisasikan penghayatan Islam sebagai satu cara hidup.

Berpandukan kepada fakta-fakta inilah penulis merasakan bahawa kajian ini perlu, untuk melihat bagaimakah perkembangan Islam di kalangan mereka dan adakah mereka boleh menerima Islam sebagai agama dan cara hidup mereka.

#### 1.4 Batasan Kajian.

Dalam kajian ini penyelidik akan meninjau perkembangan Islam dan meneliti secara komprehensif dalam bentuk perangkaan kepada peningkatan Orang-orang Asli yang memeluk Islam dari tahun 1987 - 1997 dan faktor-faktor yang mempengaruhi pemeluk Islam mereka.

Penulis membataskan penyelidikan ini kepada tiga aspek utama iaitu: melihat dan membuat kutipan fakta-fakta yang berkaitan dengan peningkatan masyarakat kaum Orang Asli di Kelantan umumnya dan di Post Brook khususnya yang memeluk Islam. Meninjau sejauh mana tahap penerimaan mereka pada agama Islam . Adakah mereka menerima Islam sebagai budaya ataupun kerana minat mereka kepada Islam atau juga mungkin kerana perkara-perkara lain. Penyelidik akan mengupas dengan sebaik mungkin aspek-aspek tersebut, agar dengan apa yang dikupas akan

memberikan suatu maklumat baru kepada masyarakat yang belum mengetahui perkara ini.

Dalam kajian ini penulis memberi penumpuan dengan memilih tahun 1987 - 1997 sebagai tempoh kajian . Ini kerana memandangkan bersesuaian dengan era perkembangan Islam di kalangan masyarakat Orang Asli di Kelantan, di mana dalam tempoh ini penulis akan membuat rumusan kepada peningkatan yang dicapai dalam usaha penyebaran Islam.

Disamping itu, penyelidik membataskan penyelidikan ini hanya kepada kawasan Post Brook sahaja, yang terletak di dalam jajahan Gua Musang. Kawasan ini di pilih memandangkan kepada beberapa faktor:

- i) Kedudukan kawasan ini yang sedikit sebanyak menarik minat penulis untuk membuat penyelidikan, kerana kawasan ini mudah dihubungi dan maklumat senang didapati daripada beberapa jabatan utama yang terlibat secara langsung dengan masyarakat Orang Asli di Post Brook seperti JHEOA, dan MAIK.
- ii) Peyelidik ingin melakarkan perkara baru dalam membuat penyelidikan, memandangkan kawasan ini belum diberi perhatian oleh penyelidik-penyelidik lain
- iii) Sikap penyelidik ingin mencari pengalaman dan mengenali

masyarakat serta mendekatkan diri dengan mereka yang tinggal jauh di pendalaman.

#### 1.5 Kajian Lepas.

Kajian yang berkaitan dengan masyarakat Orang Asli di Malaysia telah banyak ditemui. Ini semua hasil dan usaha penyelidik-penyalidik dari dalam dan luar negeri yang begitu berminat untuk mengetahui keadaan masyarakat Orang Asli di Malaysia dalam berbagai aspek. Di antara kajian-kajian itu, ada yang berupa tesis, dan disertasi di peringkat M.A, Ph.D dan juga kajian dalam bentuk latihan ilmiah di peringkat ijazah pertama. Walaupun begitu tidak kurang juga kajian itu adalah dalam bentuk kertas kerja untuk seminar-seminar dan sebagainya.

Kita ambil contoh kepada kajian penyelidikan tentang Orang Asli di bawah tajuk – “Islam di Kalangan Orang Asli di Ulu Lebir (Pasir Lebir), Kelantan” yang ditulis pada tahun 1987 oleh saudara Mohd Awang Nor, daripada Fakulti Usuluddin, Universiti Malaya. Walaupun penyelidikan ini dibuat di Kelantan dan lebih menjuruskan di kawasan Ulu Lebir (Pasir Lebir), namun kajian ini lebih menekankan kepada perbincangan secara umum, mengenai pengamalan Islam di Kalangan Orang Asli di sana ataupun Islam di kalangan mereka.

Antara kajian lain lagi yang membicarakan mengenai Orang Asli ialah di bawah tajuk – “Orang Asli dan Masyarakat Umum: Satu Kajian Etnografi Terhadap Komuniti Temiar di Kg. Merlung”. Penyelidikan ini ditulis pada tahun 1989 oleh Koh, Siew Eng. Satu kajian yang berbentuk tesis dari Fakulti Sastera & Sains Sosial,

Universiti Malaya, di mana dalam kajian dan penyelidikan ini, penyelidik membuat kajian mengenai etnografi terhadap komuniti kaum Temiar di Kg. Merlung.

Manakala penyelidikan di bawah tajuk – “Pelajaran dan Mobiliti [Intergenerasi dan Intra-Generasi] Orang Asli: Satu Kajian Kes di Kg. Batu”. Yang ditulis oleh saudara Zainal Abidin Borhan yang ditulis pada tahun 1981 dari Fakulti Sastera & Sains Sosial Universiti Malaya, menyentuh mengenai pendidikan Orang Asli dan perubahan masyarakat mereka dari satu generasi kepada generasi yang lain.

Ada lagi kajian lain di bawah tajuk – “Rancangan Pembangunan dan Orang Asli: Satu Kajian Etnografi Terhadap Semang di Sungai Rual, Jeli, Kelantan” yang dibuat oleh Rokeman Abd. Jalil pada tahun 1988 dari Universiti Malaya. Kajian ini menyentuh mengenai program rancangan pembangunan oleh pihak kerajaan terhadap Orang Asli dilihat dari aspek etnografi masyarakat Semang.

Jadi setakat ini belum ditemui lagi satu kajian yang khusus mengenai Orang Asli di Post Brook dan berkaitan dengan penyibaran serta penghayatan Islam mereka. Dalam hal ini, penulis ingin mengemukakan satu kajian yang berkaitan dengan masyarakat Orang Asli. Akan tetapi kajian ini berlainan dari kajian-kajian sebelumnya, yang mana dalam kajian ini penulis banyak menekankan dari aspek peningkatan masyarakat Orang Asli yang memeluk agama Islam dalam beberapa tahun yang terkebelakang dari tahun 1987 - 1997. Antara lain kajian ini juga melihat dari beberapa aspek yang menyebabkan mereka memeluk Islam.

Kajian ini dibuat oleh kerana setakat ini masih belum ada lagi kajian yang berunsurkan demikian atau mempunyai persamaan dibuat, walaupun dikatakan banyak penyelidik-penyalidik membuat kajian berkenaan Orang Asli namun kajian mereka lebih menekankan beberapa aspek lain. Apatah lagi kajian ini menjadikan Post Brook, Gua Musang, Kelantan, sebagai sasaran kajian. Cuma antara kajian yang terbaru yang agak sama dari beberapa aspek dengan kajian ini ialah kajian penyelidikan dalam tajuk -di bawah tajuk - “ Dakwah Islamiah Kepada Orang Asli: Kajian Terhadap Transformasi Minda Masyarakat Semai Selepas Memeluk Agama Islam”. Penyelidikan ini dibuat oleh saudara Zakuan b. Sawai pada tahun 1997 Dari Fakulti Usuluddin, Universiti Malaya. Penekanan diberikan dalam kajiannya ialah dari sudut transformasi minda Orang Asli selepas memeluk Islam. Kajian ini hanya melihat sejauh mana perubahan minda masyarakat Orang Asli selepas mereka memeluk Islam. Transformasi tersebut dilihat dalam beberapa aspek; aqidah/kepercayaan, kefahaman dan amalan agama Islam, meninggalkan adat dan pantang larang tradisi, pergaulan dan kejiraninan, masa depan diri keluarga dan negara dan terakhir sekali barulah penyelidik melihat kepada transformasi minda selepas Islam.

#### 1.6 Pengertian Tajuk.

Untuk kita memahami tajuk dengan lebih baik, seperlunya beberapa petikan perkataan dari tajuk dan frasa yang terkandung dalam tajuk penyelidikan ini, wajar diberi definisi khusus bagi merujuk penggunaannya dalam kontek ini. Ianya adalah seperti berikut:

#### 1.6.1 Perkembangan.

Penggunaan perkataan “perkembangan” dalam tajuk penyelidikan ini bermaksud perihal (proses, dsb) berkembang (menjadi maju atau tersebar, membiak, meluas, dsb) atau memperkembangkan Islam sama ada proses pengembangan ini dilakukan oleh pendakwah secara berkumpulan atau secara individu.

#### 1.6.2 Islam.

Nama bagi satu agama yang dianuti oleh masyarakat manusia sebagai satu kepercayaan selain dari agama yang berbilang-bilang. Ia disampaikan oleh Nabi Muhammad s.a.w. daripada Allah Suhhanahu wata’ala.

#### 1.6.3 Kalangan.

Kalangan adalah bermaksud “golongan” yang ditujukan kepada satu-satu kaum yang menjadi sasaran kajian ataupun puak dalam satu lingkungan, penggunaan perkataan ini bagi menunjukkan kepada kaum Orang Asli bahawa kajian ini adalah dalam lingkungan Orang Asli di Post Brook.

#### 1.6.4 Orang Asli.

Perkataan ini dirujuk kepada manusia, kaum atau bangsa asal yang menetap di satu-satu tempat. Istilah ini digunakan bagi merujuk kepada

manusia asal yang menetap di pendalaman sebagai manusia yang menjadi sasaran kajian

#### 1.6.5 Tinjauan.

Penggunaan “tinjauan” dalam tajuk kajian ini ialah satu kata kerja perbuatan, iaitu perbuatan meninjau suasana sebelum membuat kesimpulan untuk mengetahui pendapat umum tentang keadaan sesuatu perkara.

#### 1.6.6 Penerimaan.

Ialah perihal (perbuatan dsb) menyambut: Penyambutan, di mana penggunaannya dalam tajuk kajian ini adalah untuk melihat sambutan masyarakat di pendalaman terhadap Islam.

#### 1.6.7 Post Brook.

Merupakan nama bagi penempatan masyarakat Orang Asli yang terletak jauh di pendalaman. Ia berada di tanah tinggi Lojing yang bersepadanan dengan Blue Valley, Cameron Highland. Kawasan ini adalah sasaran kajian penyelidik.

Melalui pengertian tajuk satu persatu di atas, maka dapat kita menghayati apakah kehendak dan keperluan tajuk serta kaitannya dengan kajian ini.

## 1.7 Metodologi Kajian.

Metodologi adalah satu kaedah dalam usaha-usaha manusia untuk mengetahui tentang gejala alam dan masyarakat mengikut suatu sistem yang lebih teratur bagi memastikan pencarian terhadap gejala tersebut mendapat hasil yang baik. Ia juga satu cara usaha ilmiah, bertujuan memperolehi perkara baru melalui penelitian. Metodologi penelitian adalah ilmu tentang cara mengadakan penelitian.<sup>3</sup>

Dalam kajian ini penulis akan menerangkan beberapa bentuk penggunaan metode. Penggunaan metode oleh penulis adalah berkaitan dengan masalah cara kerja supaya untuk memahami objek yang menjadi tumpuan peneliti.<sup>4</sup> Ini bermakna sekiranya penelitian dan pengkajian yang dibuat oleh penyelidik dengan metode yang bersesuaian dan tepat, maka sudah pasti penyelidik akan mendapati dan menghasilkan penyelidikan yang bermutu tinggi serta bernilai untuk tatapan masyarakat.

Penyelidik membuat penyelidikan ini berdasarkan kepada dua cara berikut iaitu:

- 1) Penyelidikan perpustakaan.
  - 2) Penyelidikan lapangan.
- 
- 1) Penyelidikan Perpustakaan.

<sup>3</sup>Keontjaraningrat, (1986), **Metode-Metode Penelitian Masyarakat**, Jakarta, hal 13.

<sup>4</sup>Peter A. Angel, (1931), **A Dictionary Of Philosophy**, London, hal 171.

Dalam penyelidikan ini penyelidik perlu melakukan penelitian terhadap objek yang terdapat di perpustakaan dan jabatan-jabatan yang berkaitan untuk memperolehi data-data dalam bentuk dokumentasi. Data-data tersebut akan diperolehi daripada buku-buku, kertaskerja-kertaskerja, risalah-risalah, majalah-majalah dan lain-lain lagi.

Bagi memenuhi keperluan-keperluan tersebut penulis menggunakan beberapa buah perpustakaan seperti Perpustakaan Utama Universiti Malaya Kuala Lumpur, Perpustakaan Universiti Malaya di Nilam Puri, Kelantan, Perpustakaan Universiti Sains Malaysia di Pulau Pinang, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia di Bangi, Perpustakaan Awam Kelantan.

Di samping itu , penulis juga mendapatkan beberapa buah buku dan risalah daripada jabatan-jabatan yang berkaitan seperti Majlis Agama Islam Kelantan, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Kota Bharu, PERKIM, juga penulis mengambil bahan-bahan bertulis daripada orang perseorangan seperti Hasan Mat Noor di Jabatan Antropologi & Sosiologi UKM, Zulkifli Abd. Ghani di Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan Fakulti Pengajian Islam UKM.

Walaupun begitu, penyelidikan ini tidak akan sempurna dengan hanya mengambil bahan-bahan makiumat di perpustakaan sahaja, tanpa mengadakan penyelidikan lapangan.

2) Penyelidikan Lapangan.

Penyelidikan lapangan bermaksud membuat penyelidikan secara langsung ke atas objek yang dipilih untuk diteliti dan dikaji. Untuk tujuan tersebut penulis telah pergi ketempat semple untuk mendapatkan data-data dan maklumat-maklumat di sekitar Jajahan Kota Bharu seperti di Pejabat Hal Ehwal Orang Asli, Jalan Bayam, Pejabat Majlis Agama Islam, Jalan Pasir Puteh, Lundang, Pejabat PERKIM di Jalan Mahmood dan Pejabat ABIM di Pengkalan Chepa.

Selain penggunaan kedua metode di atas, penulis juga menggunakan tiga metode lain bagi mengkaji, mengumpul, menyusun dan menganalisa data-data yang diperolehi di dalam penyelidikan ini, iaitu:

- a) metode penentuan subjek.
- b) Metode Pengumpulan data.
- c) Metode analisa data.

a) Metode Penentuan subjek.

Penyelidik menggunakan metode sampling dalam menentukan subjek penelitian, kerana terdapat banyak penempatan-penempatan Orang Asli dan juga pembahagian kaum mereka di Malaysia umumnya dan di Kelantan khususnya. Untuk mempermudahkan penyelidikan ini, penyelidik telah memilih negeri Kelantan sebagai subjek penelitian dengan memberi penumpuan kepada masyarakat Orang Asli di Post Brook, Gua Musang, Kelantan.

b) Metode Pengumpulan Data.

Melalui metode ini, penyelidik melakukan satu usaha dengan mengumpul segala data-data yang diperlukan dan membuat penafsiran terhadap data-data yang terkumpul. Tujuan penggunaan metode ini ialah untuk memperolehi maklumat-maklumat dan imformasi yang tepat bernilai serta konkrit. Dalam hal ini penyelidik juga menggunakan beberapa metode lain bagi mendapatkan data-data yang diperlukan dalam kajian ini:

i) Metode Pensejarahan

Penggunaan metode ini ialah untuk mendapatkan data-data yang bernilai sejarah daripada dokumen-dokumen yang berhubung dengan masaalah tersebut, serta menentukan ketepatan permasalahan sejarah seperti sejarah kedatangan Islam di Kelantan dan sejarah asal usul masyarakat Orang Asli yang wujud di Semenanjung Malaysia umumnya dan di Kelantan khususnya.

ii) Metode Dokumentasi.

Metode dokumentasi bermaksud " cara Pengumpulan data dengan melakukan penyelidikan terhadap dokumen-dokumen yang mempunyai

hubungan dengan permasalahan yang diselidiki ".<sup>5</sup> Dokumen pula bermakna" benda bertulis yang dapat memberi berbagai keterangan ".<sup>6</sup>

Selain itu, penyelidik telah memasukkan juga sumber daripada al-Quran dan pendapat-pendapat ilmuan yang berpengetahuan dalam hal masyarakat Orang Asli.

iii) Metode Interview.

Metode Interview / wawancara digunakan bagi mengumpulkan data-data tentang sesuatu perkara dalam sesebuah masyarakat dan merupakan pembantu yang utama berbanding dengan metode lain.

Penyelidik telah mengajukan soalan spontan kepada informen dengan menggunakan pita rakaman semasa interview sebagai alat pembantu kelancaran interview untuk mengelak tertinggalnya data-data pokok yang disampaikan, di samping mencatat apa-apa yang difikirkan perlu dan juga merangka interview guide bagi ditujukan kepada responden agar persoalan interview dapat diselaraskan.

c) Metode Analisa Data.

---

<sup>5</sup>Gerald S. Ferman & Jack Levin, (1970), **Social Science Research**, USA, hal 4.

<sup>6</sup>Imam Barnadib, (1982), **Arti dan Metode Sejarah Pendidikan**, Yogyakarta, hal 51.

Data-data yang diperolehi dalam penyelidikan ini telah dikumpulkan melalui metode pengumpulan data, seterusnya ia dianalisa dan diolah supaya data-data tersebut jelas dan dapat membuat satu penilaian baru dalam kajian tersebut.

#### 1.8 Sistemetika Kajian.

Melalui sistemetika kajian, penulis dapat membahagikan penyelidikan ini kepada lima bahagian utama. Ini untuk mempermudahkan penulis membuat perbincangan dan perbahasan mengenainya dengan lebih sistemik dan teratur dan akan menampakkan kajian ini mengikut justifikasi yang telah ditetapkan. Setiap bahagian dalam kajian ini penulis mengolah dengan cara tersendiri dan mempunyai isi-isu yang berlainan di antara bab-bab tersebut hasil daripada penyelidikan yang dilakukan oleh penulis.

Bahagian pertama kajian ini ialah meliputi bab pendahuluan yang mengandungi latar belakang masalah yang menceritakan tentang perkembangan Islam sepantas lalu serta menghuraikan konsep Islam sebagai agama. Di ikuti oleh pernyataan masalah, bagaimana dipaparkan kesinambungan Islam dengan perkembangannya yang telah berterusan hingga kehari ini. Di samping itu penulis membataskan kajian ini agar ianya tidak terpesong dari tajuk kajian dengan mengemukakan beberapa objektif kajian.

Dalam bab kedua penulis lebih menumpukan perbincangan mengenai penyebaran Islam di Kelantan dengan memberi definisi kepada penyebaran Islam, strategi penyebaran Islam, kaedah penyebaran Islam, dan objektif penyebaran. Penulis

juga menyelitkan dengan gambaran Islam di Malaysia secara umum sebelum membicarakan dengan spacific tentang Islam di Kelantan sebagai lambang kepada kedatangan awal Islam di Kelantan melalui perbincangan sejarah kemasukan Islam dan orang yang berperanan menyebarkan Islam, serta melihat sejauh mana pengaruh Islam ke atas masyarakat Kelantan di tinjau dari aspek politik, ekonomi dan sosial.

Bab Ketiga pula penulis memulakan perbincangan di bawah tajuk; perkembangan Islam di kalangan Orang Asli di Kelantan dengan memulakan perbahasan mengenai istilah Orang Asli, ianya di ambil daripada mana dan bagaimana mereka boleh digelar dengan istilah ini. Tidak ketinggalan juga penulis mengkategorikan suku kaum Orang Asli yang ada di Kelantan, serta menyebut jumlah mereka di seluruh Kelantan, penulis membicarakan juga mengenai kepercayaan suku kaum Asli. Selepas itu penulis memfokuskan penyebaran Islam di kalangan mereka dengan melihat dalam beberapa aspek utama iaitu sejarah, pihak bertanggungjawab, metode penyebaran, halangan dalam dakwah, sikap Orang Asli terhadap agama Islam dan kesan penyebaran.

Bab keempat, penulis memfokuskan penyelidikan ini kepada penyebaran Islam di Post Brook sebagai sasaran kajian dengan menghuraikan sejarah timbulnya Post Brook, asal usul masyarakat Asli di sana, keadaan masyarakat Asli dengan melihat beberapa sudut iaitu agama, ekonomi dan sosial. Penulis juga melihat secara sepintas lalu mengenai institusi sosial Orang Asli, tarikh kemasukan Islam, pelopor kepada penyebaran Islam malah menekankan juga dengan menyelidik tentang faktor kenapa mereka tertarik kepada Islam dan beberapa perkara lain yang menjadi permasalahan di sana.

Bab kelima, penulis hanya membuat kesimpulan dan memberi beberapa cadangan yang terbaik difikirkan oleh penulis berdasarkan kepada penelitian terhadap suasana Islam di kalangan Orang asli di Post Brook. Cadangan-cadangan tersebut adalah bagi memperlihatkan kepada orang yang bertanggungjawab terhadap permasalahan-permasalahan yang dialami oleh masyarakat Orang Asli dari berbagai sudut, dengan itu dapatlah dikenal pasti kelemahan dan kekurangan yang dihadapi sebelum ini, untuk mempersiapkan diri dalam mempertingkatkan lagi gerakan penyebaran Islam di kalangan mereka di masa akan datang.

